

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 JUNE 2016

# KUISAS jadi universiti bukti PM prihatin

Info

## KUISAS

- **4,000** pelajar USAS
- **KUISAS** mula beroperasi pada 1999.
- **Naik** taraf kepada kolej universiti pada 2013

**B**aru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) dinaik taraf sebagai universiti penuh berkuat kuasa serta merta dan dikenali sebagai Universiti Azlan Shah Malaysia (USAS).

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menyokong penuh keputusan dan pengumuman Perdana Menteri. Keputusan itu memberi ruang yang luas kepada USAS meningkatkan mutu pencapaian akademik serta infrastruktur fizikal apabila mendapat bantuan dan geran daripada Kerajaan Pusat.

Atas sebab itu, GPMS yakin keputusan ini juga memberi manfaat kepada 4,000 pelajar yang kini menuntut di USAS.

Keputusan ini juga sedikit sebanyak memberi impak kepada masyarakat, institusi pendidikan di sekitar USAS. Impak menaik taraf KUISAS pastinya satu penambahan dalam dunia pendidikan negara khususnya kepada rakyat Perak.

Pastinya rakyat Perak tidak perlu keluar mencari pendidikan terbaik dan mereka juga dapat menyumbang tenaga dalam pembangunan negeri. Ia sejajar dengan harapan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Zambry Kadir yang mengharapkan rakyat pulang berkhidmat di Perak.

Impak pembangunan kawasan juga akan berkembang apabila sebuah institusi yang besar dibangunkan dan akan mengurangkan masalah pengaliran keluar sumber manusia.

GPMS melihat usaha kerajaan memartabatkan dan memperkasakan sektor pendidikan bukanlah satu janji kosong hanya semata-mata kerana pilihan raya kecil di Kuala Kangsar.

Selepas pengumuman tersebut Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh terus menghantar surat keputusan menaik taraf KUISAS menjadi USAS kepada Rektor USAS, Tan Sri Nordin Kardi.

### Perkasa pendidikan

Ini menunjukkan keprihatinan yang tinggi oleh kerajaan terhadap soal memperkasa sektor pendidikan. GPMS menyeru supaya generasi muda khususnya mahasiswa menyedari bahawa kerajaan di bawah pimpinan Najib sentiasa memikirkan dan memperjuangkan agenda pen-

didikan dan sentiasa mempertingkat ruang dan platform untuk anak muda menuntut ilmu.

Dalam hal ini, tidak timbul lagi akses yang terhad kepada anak muda untuk mendapatkan pendidikan tinggi yang terbaik di dalam negara.

Justeru, GPMS berharap seluruh anggota masyarakat khusus generasi muda dan mahasiswa khususnya di sekitar Kuala Kangsar di mana letaknya USAS menyokong dan mendukung usaha murni Perdana Menteri untuk mempertingkatkan sektor pendidikan demi generasi masa depan yang berilmu.

 **Zambri Mohd Isa**  
Presiden GPMS



Keratan akhbar BH pada 11 Jun.

BH-17/6/2016